

Maik pelopori kajian budaya, adat istiadat Melayu

KOTA BHARU 23 Jun - Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Maik) akan melakukan kajian meliputi adat istiadat diraja dan masyarakat umum yang tidak bercanggah dengan syarak untuk diterbitkan dalam bentuk tulisan bersiri sebelum disusuli penerbitan Ensiklopedia Budaya dan Adat Istiadat Kelantan.

Timbalan Yang Dipertua Maik, Datuk Kamaruddin Mohd. Zin berkata, usaha menyeluruh melibatkan barisan cendekiawan, budayawan dan penulis di bawah pimpinan tokoh ilmuwan Islam, Prof. Emeritus Datuk Dr. Mahmood Zuhdi Abd. Majid itu bertujuan mengingatkan semula masyarakat terutamanya generasi baharu tentang tradisi dan budaya warisan yang pernah dijunjung.

Tambahnya, kajian itu juga selaras dengan penubuhan unit khusus iaitu Unit Adat Istiadat di Maik setelah sekian lama aspek tersebut tidak diberi tumpuan sebelum ini.

“Usaha ini perlu kerana generasi muda sudah tidak tahu adat istiadat dan budaya yang pernah kita amalakan, kita akan kaji dan kumpulkan semua maklumat dalam pelbagai sudut mengenai budaya Melayu Kelantan untuk didokumentasi dan disebarikan.

“Pihak Maik akan bekerjasama



MAHMOOD Zuhdi Abd. Majid (dua dari kanan) ketika mempengerusikan Persidangan Meja Bulat Kajian Budaya dan Adat Istiadat Melayu Kelantan di Kota Bharu, Kelantan, semalam.

dengan pelbagai institusi termasuk kerajaan negeri dan jabatan Kerajaan Persekutuan kerana projek ini mempunyai kepentingan dan memberi manfaat kepada semua pihak,” katanya kepada pemberita selepas Persidangan Meja Bulat Kajian Budaya dan Adat Istiadat Melayu Ke-

lantan di Dewan Bunga Raya Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam (MPKB-BRI), di sini hari ini.

Dalam majlis itu, dua ahli panel Penerbitan dan Kajian Adat Istiadat Melayu Kelantan iaitu bekas Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pus-

taka (DBP), Datuk A. Aziz Deraman, dan Prof. Dr. Hashim Musa daripada Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM) telah membentangkan kertas konsep mengenai pelaksanaan kajian tersebut.

Sementara itu, Mahmood Zuhdi

selaku pengerusi panel berkata, pihaknya berbangga kerana Maik menjemput para ilmuwan negara yang berasal dari Kelantan seperti Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Abdul Karim terlibat secara langsung dalam kajian adat istiadat itu.

Beliau berkata, semua sudut budaya akan ditelusuri termasuk dari segi percakapan, bahasa dan pergaulan masyarakat termasuk kesenian warisan seperti Mak Yong.

“Kita akan membuat penyelidikan semua segi dan membantu harat Maik yang mahu melihat negeri Kelantan boleh mengekalkan budaya warisan dan dalam masa sama, agama diamalkan dengan selesa.

“Kita ada kemahuan politik daripada Maik dan mempunyai dua pelindung yang cukup hebat iaitu Sultan Muhammad V dan Tengku Mahkota, Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra untuk melaksanakan kerja berkaitan.

“Melalui perbincangan, simposium dan seminar, kita akan berdialog dengan masyarakat supaya kembali kepada nilai-nilai luhur yang asal, seseorang yang mahu melakukan reformasi untuk masyarakat tidak boleh memberi alasan kerja ini sukar kerana yang penting adalah kita memulakan langkah, insya-Allah usaha ini akan diteruskan anak-anak kita,” katanya.